

Headline	Perluas guna tenaga suria		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	44	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	345 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,635
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,905



# Perluas guna tenaga suria

» **Kedah rancang guna panel solar di bangunan kerajaan**

Oleh Azahar Hashim  
bhnews@bh.com.my

Kulim

**K**edah yang menjadi negeri pengeluar panel solar akan menggunakan peluang itu untuk menggunakan tenaga suria dalam usaha menjimatkan tenaga elektrik.

Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata Kedah sepatutnya mula mengorak langkah menjadi pengguna tenaga suria kerana ia mempunyai kilang pengeluar panel solar antara yang terbesar di Taman Teknologi Kulim (KHTP) di sini.

Katanya, sebagai langkah permulaan, kerajaan negeri berhasrat memasang panel solar di bangunan kerajaan negeri bagi mengurang-

“**Kedah sepatutnya mula mengorak langkah menjadi pengguna tenaga suria kerana mempunyai kilang pengeluar panel solar antara yang terbesar**”

**Mukhriz Mahathir,**  
Menteri Besar Kedah

ada alasan kerana panel ini dikeluarkan di Kedah.

“Kedah perlu mengguna-

kan penggunaan tenaga elektrik.

“Memandangkan Kedah kini menjadi pengeluar dan pengeksport panel solar dalam skala yang sangat besar, menjadi harapan saya supaya Kedah turut menjadi pengguna panel solar. Kita ti-

ada alasan kerana panel ini dikeluarkan di Kedah.

“Kedah perlu mengguna-

kan produk ini. Mungkin secara kebetulan, Kedah sebuah daripada negeri terbaik di Malaysia dari segi (cahaya) matahari. Buat masa ini, kami sudah merancang untuk memanfaatkan panel solar di dalam bangunan kerajaan,” katanya ketika melawat Kilang Panasonic Energy Malaysia Sdn Bhd di sini, semalam.

### Teliti cadangan guna LED

Selain itu, Mukhriz berkata, kerajaan negeri turut meneliti cadangan untuk memasang lampu Diod Pemancar Cahaya

(LED) di dalam bangunan milik kerajaan negeri.

“Saya harap gabungan panel solar dan LED akan membantu mengurangkan penggunaan tenaga kita. Biasanya ia memerlukan satu pihak memulakan dulu, kemudian yang lain ikut. Ini perkara baik, saya harap ia akan menjadi contoh kepada pihak lain termasuk swasta.

“Ada juga cadangan supaya panel solar itu dipasang di rumah kampung bagi membekalkan elektrik di kawasan kampung,” katanya.



**Mukhriz (kanan) menerima cenderamata** daripada Pengarah Urusan Panasonic Energy Sdn Bhd, Yasuyoshi Kawanishi ketika lawatannya ke kilang Panasonic di Kulim, semalam. [FOTO DANIAL SAAD/BH]